

Beri penyapu tidak bertamadun

KOSMO 15/11/07 M/S 3

Oleh JUNHAIRI ALYASA
junhairi.alyasa@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Tokoh-tokoh akademik dan budayawan tempatan menyifatkan tindakan memberi anugerah penyapu sebagai tidak wajar dan bertentangan dengan budaya serta adat yang diamalkan masyarakat di negara ini.

Malah, menurut mereka tindakan tersebut sebagai tidak bertamadun dan boleh menjatuhkan maruah serta mengaibkan individu yang terlibat.

Menurut sejarawan, Prof. Emeritus, Datuk Dr. Khoo Kay Kim, banyak kaedah lain yang boleh digunakan untuk mendidik atau menghukum kakitangan bawahan.

"Saya boleh katakan perkara ini tidak bertamadun sama sekali dan bukan sahaja dari sudut pandangan masyarakat Asia malah Barat juga dan sebagai contoh orang Cina menganggap penyapu itu membawasial," katanya

ketika dihubungi KOSMO! semalam sebagai mengulas tindakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo yang menyampaikan 'anugerah penyapu' kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Tukiman Nail dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Hulu Selangor pada Majlis Anugerah Bulan Kualiti 2007 Isnin lalu.

Anugerah itu diberikan ekoran kedua-dua jabatan awam tersebut mencatat kutipan hasil tercorot tahun lalu.

Sementara itu, tokoh budaya, Azah Aziz menjelaskan, dalam budaya Melayu, penyapu mempunyai simbolik yang agak kasar dan ia dilambangkan untuk membuat satu perubahan.

"Saya ingin melihat dahulu kesannya sama ada ia memberi kesan yang baik untuk perubahan atau sebaliknya, jika ramai yang akan marah, ia tidak boleh dilakukan," jelasnya yang secara peribadinya tidak bersetuju dengan tindakan itu.

Bagi Pensyarah Sains Politik di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Mohammad Agus Yusoff, walaupun tindakan tersebut merupakan satu perlambangan tetapi ia mengaibkan.

"Ada kaedah lain yang lebih sesuai dan bermaruah, mungkin niat untuk memberi penyapu itu betul tetapi ia tetap mengaibkan," jelasnya.

Sementara itu, kesatuan sekerja kakitangan awam tidak bersetuju dengan langkah kerajaan Selangor memberikan 'penyapu' kepada agensinya yang berprestasi buruk kerana menjatuhkan moral kakitangan.

Sebaliknya mereka mencadangkan agar tindakan tegur secara bersemuka, perjumpaan tertutup dan memperkenalkan sistem bintang atau taraf sebagai pendekatan yang lebih baik bagi merangsang agensi kerajaan mencapai prestasi yang disasarkan.

Presiden CUEPACS, Omar Osman berkata,

cara menegur secara tertutup dilihat sebagai kaedah terbaik yang dapat memberi kesedaran kepada kakitangan agensi yang terlibat, dan pada masa yang sama, mengetahui masalah sebenar mereka.

"Saya terkejut dan tidak setuju dengan pemberian penyapu ini. Selepas 50 tahun merdeka, ada lagi cara lain bagi memberi kesedaran kepada pekerja," katanya di sini semalam.

Omar berkata beliau menerima banyak panggilan daripada pekerja sektor awam di seluruh negara yang tidak senang dengan cara itu, dan perkara tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat CUEPACS pada 29 November ini.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Syed Shahir Syed Mohamud berkata pemberian penyapu itu dilihat terlalu kasar seolah-olah memberi isyarat tidak baik.

"Jangan mendatangkan aib kepada penjawat awam," ujarinya.